

Pengaplikasian Teori Retorik Moden dalam Penyampaian Ceramah Keselamatan Siber Polis Diraja Malaysia

MUHAMMAD ADNAN PITCHAN
Universiti Kebangsaan Malaysia

NOR HAJAR UMMIAH OSMAN
Polis Diraja Malaysia

ABSTRAK

Retorik merupakan seni komunikasi yang memainkan peranan penting dalam menekankan aspek keterampilan melalui pengaplikasian bahasa yang pelbagai sama ada komunikasi secara lisan ataupun tulisan. Dalam konteks ini, peranan penceramah di kalangan pegawai Polis Diraja Malaysia adalah kritikal, bukan sahaja untuk membincangkan isu keselamatan siber yang dihadapi masyarakat pada masa kini, tetapi juga menawarkan penyelesaian yang terbaik bagi setiap jenayah siber yang berlaku. Kemahiran berkomunikasi secara berkesan dan pengaplikasian retorik dalam ceramah keselamatan siber adalah penting untuk memberi kesedaran kepada pendengar, sekali gus menggalakkan mereka menerima dan mengamalkan nasihat yang disarankan. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji pengaplikasian Teori Retorik Moden dalam penyampaian ceramah keselamatan siber oleh dua penceramah Polis Diraja Malaysia yang dipilih berdasarkan pengalaman dan kepakaran dalam bidang jenayah siber. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui teknik analisis kandungan bagi menganalisis ceramah ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa setiap penceramah bijak mengaplikasikan kepelbagaian retorik dalam ceramah keselamatan siber mereka. Kajian ini turut membuktikan bahawa penceramah tersebut menggunakan retorik yang mencerminkan kemahiran mereka untuk menarik minat masyarakat, memastikan pendengar kekal fokus dan terus mengikuti ceramah dari awal hingga akhir. Penggunaan retorik yang bijaksana oleh penceramah bukan sahaja meningkatkan kesedaran tentang keselamatan siber bahkan dapat membina keyakinan masyarakat terhadap keupayaan pihak polis dalam menangani jenayah siber yang berkesan.

Kata kunci: *Jenayah siber, komersial, media sosial, retorik moden, komunikasi.*

The Application of Modern Rhetorical Theory in the Delivery of Cyber Security Talks by the Royal Malaysia Police

ABSTRACT

Rhetoric is the art of communication that plays an important role in enhancing skills through the application of diverse language forms, whether in oral or written communication. In this context, the role of speakers among the Royal Malaysian Police is critical, not only to discuss the cyber security issues faced by the community today but also to offer the best solutions for each cyber crime that occurs. Effective communication skills and the application of rhetoric in cyber security talks are essential for raising awareness among listeners, thus encouraging them to accept and practice the recommended advice. This study was conducted to examine the application of Modern Rhetoric Theory in the delivery of cyber security talks by two selected speakers from the Royal Malaysian Police, chosen based on their experience and expertise in the field of cyber crime. The study uses a qualitative approach through content analysis techniques to analyze these talks. The findings reveal that each

speaker skillfully applies a variety of rhetoric in their cyber security talks. The study also demonstrates that all these speakers use rhetoric that reflect their skills in capturing public interest, ensuring that listeners remain focused and engaged from start to finish. The use of rhetoric by these speakers not only enhances awareness of cyber security but also builds public confidence in the police's ability to effectively handle cyber crimes.

Keywords: *Cyber crime, commercial, social media, modern rhetoric, communication.*

PENGENALAN

Jenayah siber telah menjadi satu ancaman yang semakin serius di Malaysia. Peningkatan penggunaan teknologi dan internet menyebabkan kadar jenayah siber juga menunjukkan peningkatan yang membimbangkan. Sebagai usaha untuk membendung jenayah siber, Polis DiRaja Malaysia (PDRM) menerusi Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) telah melaksanakan pelbagai program keselamatan siber bagi memberi kesedaran dan penerangan kepada masyarakat mengenai modus operandi yang sering digunakan penjenayah untuk menipu orang ramai (Ernawati et al., 2023). Salah satu inisiatif yang dijalankan adalah melalui pelantikan Duta Anti-Scam JSJK (Royal Malaysia Police, 2022). Duta ini bertanggungjawab menyebarkan kesedaran mengenai bahaya jenayah siber serta langkah-langkah yang boleh diambil untuk melindungi diri daripada ancaman tersebut (Majlis Keselamatan Negara, 2022). Peningkatan kesedaran mengenai jenayah siber merupakan satu keperluan yang mendesak bagi masyarakat di Malaysia dan sesungguhnya ia bertujuan meningkatkan kesedaran mereka agar lebih berhati-hati ketika menggunakan peranti digital (Majlis Keselamatan Negara, 2024).

Penyampaian ceramah oleh PDRM yang bercakap secara langsung di hadapan khalayak menjadi satu kaedah yang sering digunakan oleh pegawai polis. Ini merupakan salah satu pendekatan yang dianggap berkesan dalam menyampaikan kesedaran kepada masyarakat (Ernawati et al., 2023). Menurut Wan Nurul Wahidah dan Sayuti (2021), PDRM mengadakan pelbagai program ceramah mengenai tips pencegahan jenayah dan tips permulaan teras ini mampu memberikan kesedaran serta semangat yang mendalam untuk melindungi diri daripada terus menjadi sasaran penjenayah. Tidak hanya memberi amaran terhadap potensi ancaman jenayah, ceramah ini bertujuan memberi pengetahuan yang mendalam tentang risiko keselamatan kepada masyarakat dan mempersiapkan diri dengan kemahiran pratikal untuk mengurangkan risiko dan ancaman tersebut.

Walaupun pelbagai usaha dilakukan oleh PDRM, jenayah siber masih terus berlaku sejajar dengan perkembangan pesat dunia digital yang telah meningkatkan kebergantungan kepada teknologi maklumat dan komunikasi (Majlis Keselamatan Negara, 2024). Hal ini mengakibatkan ancaman siber dan penting bagi masyarakat memahami bahawa kesedaran mengenai jenayah siber merupakan kunci bagi memastikan penggunaan teknologi digital yang lebih selamat. Berikut statistik kes jenayah siber bagi tahun 2020 hingga tahun 2023 mengikut beberapa jenis modus operandi yang berbeza.

Jadual 1: Statistik kes jenayah siber bagi tahun 2020 hingga 2023

Modus Operandi	2020	2021	2022	2023
Jenayah Telekomunikasi	6006	6423	7732	10346
Jenayah E-Kewangan	662	896	1257	2092
Tipu Cinta	1582	1460	792	935
Jenayah E-Dagang	5846	9499	9258	11473
Pinjaman Tidak Wujud	5721	4784	3174	4263
Pelaburan Tidak Wujud	1671	3195	3266	5386
Jumlah	21488	26257	25479	34495

Sumber: Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK), PDRM (2024)

Berdasarkan statistik ini, jelas menunjukkan bahawa penggunaan teknik retorik dalam ceramah keselamatan siber PDRM sebenarnya sangat penting kerana ia mempengaruhi bagaimana mesej disampaikan dan diterima oleh pendengar. Dengan cara yang betul, retorik boleh membantu untuk menarik perhatian audiens dan menjadikan mesej lebih mudah difahami. Hal ini penting kerana jika hanya bergantung kepada fakta-fakta teknikal, peserta mungkin tidak cukup terkesan untuk benar-benar memahami dan mengambil tindakan yang sewajarnya. Jadual 1 pula, menunjukkan kenaikan dan penurunan jumlah kes jenayah siber dalam beberapa kategori seperti jenayah telekomunikasi (*phone scam*), jenayah e-kewangan, tipu cinta (*love scam*), jenayah e-dagang, pinjaman tidak wujud dan pelaburan tidak wujud bagi tahun 2020 hingga 2023.

Jadual 2: Statistik kerugian jenayah siber bagi tahun 2020 hingga 2023

Modus Operandi	2020	2021	2022	2023
Jenayah Telekomunikasi	289.5 juta	199.6 juta	321.4 juta	352.9 juta
Jenayah E-Kewangan	25.9 juta	73.5 juta	76.2 juta	105.1 juta
Tipu Cinta	58.3 juta	56.7 juta	56.3 juta	43.9 juta
Jenayah E-Dagang	41.4 juta	73.0 juta	140.0 juta	204.0 juta
Pinjaman Tidak Wujud	60.1 juta	50.6 juta	37.4 juta	40.7 juta
Pelaburan Tidak Wujud	182.3 juta	245.1 juta	219.8 juta	472.2 juta
Jumlah	657.5 juta	698.4 juta	851.1 juta	1.21 bilion

Sumber: Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK), PDRM (2024)

Jadual 2 pula menunjukkan statistik kerugian dalam jenayah siber bagi tahun 2020 hingga 2023, terdapat peningkatan kerugian dalam tempoh empat tahun tersebut. Melihat jumlah kes dalam lingkungan puluhan ribu kes setiap tahun dan kerugian mencapai kepada 1.21 bilion pada tahun 2023, perkara ini tidak boleh dianggap remeh dan membuktikan bahawa masyarakat masih terdedah dengan risiko jenayah siber yang berterusan. Hal ini memberi amaran bahawa jenayah siber terus menjadi ancaman serius yang memerlukan perhatian segera dan pendekatan holistik dari pelbagai pihak.

Rentetan daripada statistik tersebut juga menunjukkan bahawa terdapat keperluan menilai semula pendekatan yang digunakan dalam penyampaian ceramah keselamatan siber. Dari sudut retorik, penyampaian ceramah tidak hanya bergantung pada kandungan tetapi juga bagaimana kandungan tersebut disampaikan. Retorik melibatkan penggunaan gaya bahasa dan perbandingan untuk menarik perhatian audiens sekali gus mempengaruhi pendapat dan sikap mereka. Justeru, penyelidikan ini bertujuan membincangkan

pengaplikasian teori retorik moden dalam penyampaian ceramah keselamatan siber PDRM iaitu menentukan jenis retorik dalam penyampaian ceramah keselamatan siber PDRM.

KAEDAH KAJIAN

Dapatan kajian ini diperolehi melalui pendekatan kualitatif iaitu kaedah analisis kandungan. Melalui kaedah ini boleh memperoleh kefahaman yang mendalam dengan menjelaskan mengenai topik yang ingin dikaji dengan baik. Kaedah ini juga menggunakan pengkodan dan pengkategorian secara sistematik dan digunakan untuk meneroka beberapa maklumat yang berguna bagi menentukan corak perkataan yang digunakan dalam bentuk komunikasi.

Persampelan dan Pengumpulan Data Kajian

Bagi melaksanakan teknik analisis kandungan, kajian ini menggunakan persampelan secara bertujuan iaitu melibatkan penyampaian ceramah oleh dua pegawai polis di JSJK, PDRM. Jumlah sampel sebanyak dua orang penceramah ini bersesuaian dengan pendekatan kajian kualitatif, terutamanya dalam konteks analisis retorik, kerana kajian ini bertumpukan kepada kandungan ceramah dan tidak memerlukan jumlah sampel yang besar. Berdasarkan kajian-kajian terdahulu sering menunjukkan bahawa dalam kajian kualitatif, bilangan sampel tidak perlu besar kerana tujuannya adalah untuk memperoleh pemahaman yang mendalam dan terperinci mengenai fenomena yang dikaji. Pemilihan sampel dilakukan berdasarkan ciri-ciri seperti berikut; a) ceramah disampaikan oleh pegawai polis dari JSJK; b) ceramah berkaitan keselamatan siber; dan c) setiap penceramah menyampaikan dua ceramah. Jadual 3 menunjukkan ringkasan maklumat penceramah JSJK yang dipilih.

Jadual 3: Ringkasan maklumat penceramah JSJK

Bil	Penceramah	Jawatan
1	ASP Rahmat Fitri Abdullah	ASP Analisis JSJK
2	ASP Nor Sharina Mohd Amin	Pegawai Penyiasat Jenayah Filem/Muzik/Paten JSJK

Merujuk kepada Jadual 4 ringkasan tentang data kajian iaitu empat buah ceramah yang dirakam oleh pengkaji berdurasi 50 minit hingga 120 minit dengan kerjasama JSJK, PDRM. Pengumpulan data bermula pada 25 Mac 2024 sehingga 5 April 2024 mengikut setiap tarikh yang diundang oleh pelbagai agensi luar bagi penyampaian ceramah berkaitan keselamatan siber dan sasaran khalayak bergantung pada undangan agensi. Pengkaji dimaklumkan oleh Unit Latihan Kepolisan, JSJK apabila menerima undangan bagi penyampaian ceramah keselamatan siber secara fizikal setiap penceramah. Penceramah dalam kajian ini adalah antara penceramah yang sering dipilih, diundang dan ditugaskan bagi menyampaikan ceramah berkaitan keselamatan di JSJK. Setiap data ceramah dalam kajian ini diberikan singkatan untuk memudahkan kajian iaitu CKS merujuk kepada ceramah keselamatan siber.

Jadual 4: Ringkasan maklumat ceramah keselamatan siber

Bil	Penceramah	Kod Video	Tarikh	Durasi Ceramah
1	ASP Rahmat Fitri Abdullah	CKS1	25 Mac 2024	0.58.45
2	ASP Rahmat Fitri Abdullah	CKS2	28 Mac 2024	0.57.56
3	ASP Nor Sharina Mohd Amin	CKS3	02 April 2024	1.00.07
4	ASP Nor Sharina Mohd Amin	CKS4	05 April 2024	0.54.58

Penganalisisan Data

Proses penganalisisan data dilakukan setelah pengumpulan data kajian melalui rakaman ceramah keselamatan siber selesai dilakukan. Bagi melakukan penganalisisan kajian, ceramah tersebut ditranskripsi terlebih dahulu. Analisis terhadap transkripsi ceramah dalam kajian ini menggunakan Teori Retorik Moden oleh Enos dan Brown (1993) untuk mengenal pasti jenis retorik yang terdapat dalam ceramah keselamatan siber PDRM. Oleh itu, penganalisisan data dalam kajian ini memilih jenis retorik sebagai kod analisis dalam kajian ini. Berikut merupakan kod analisis bagi proses penganalisisan data dalam kajian ini.

Jadual 5: Pembentukan kod analisis, huraian dan ciri- ciri

Bil	Kod Analisis	Huraian	Ciri-Ciri
1	Pemerian	Digunakan untuk menjelaskan dan menghuraikan sesuatu perkara	<ul style="list-style-type: none"> • Objektif, tepat & jelas • Gambaran realistik • Jelas & tersusun • Pendahuluan, huraian & kesimpulan • Deskriptif & informatif
2	Pemujukan	Bertujuan untuk memujuk atau mempengaruhi seseorang	<ul style="list-style-type: none"> • Bahasa manis & menarik • Psikologi • Pemujukan rasional iaitu penyampaian fakta & data • Pemujukan tidak rasional melibatkan emosi.
3	Penerangan	Digunakan untuk memberikan penjelasan	<ul style="list-style-type: none"> • Gaya bahasa, intonasi & nada yang menarik • Bahasa formal • Maklumat disampaikan secara lisan seperti cara-cara melakukan sesuatu perkara
4	Penceritaan	Dikaitkan dengan penulisan berbentuk kreatif	<ul style="list-style-type: none"> • Mempunyai bahagian pendahuluan, perkembangan cerita, konflik dan peleraian • Sedikit kebebasan tatabahasa kerana bersifat ekspresi
5	Pendedahan	Digunakan untuk menjelaskan sebab dan akibat sesuatu perkara agar maklumat lebih difahami dan jelas	<ul style="list-style-type: none"> • Huraian secara takrifan disertakan contoh & perbandingan • Topik dihuraikan secara objektif, jelas, tepat & terperinci • Teknik pentakrifan & pencerakinan
6	Penghujahan	Digunakan dalam sesuatu penulisan berbentuk perdebatan	<ul style="list-style-type: none"> • Khalayak bersetuju & yakin akan pendapat • Pendapat perlu disokong oleh bukti yang jelas • Teknik penyampaian secara deduksi atau induksi

Berdasarkan Jadual 5 yang menerangkan kod analisis yang merangkumi huraian dan ciri-ciri dalam kod tersebut. Pengkaji menggunakan setiap kod analisis untuk menganalisis data kajian yang telah ditranskrip dalam bentuk teks untuk mendapatkan hasil kajian bagi memenuhi kehendak objektif kajian ini. Pengkaji turut menyediakan buku kodan pengaplikasian teori retorik moden dalam penyampaian ceramah keselamatan siber PDRM

pada bahagian lampiran yang lebih terperinci bagi memudahkan proses penganalisan data kajian ini.

MAKLUMAT PENCERAMAH KESELAMATAN SIBER

Merujuk Jadual 6, terdapat dua orang penceramah yang terlibat dalam penyampaian ceramah keselamatan siber. Kesemua penceramah adalah pegawai kanan polis dari JSJK, Bukit Aman yang mana mempunyai pengalaman kerja selama lebih 10 tahun dalam PDRM. Jabatan Siasatan Jenayah Komersil merupakan salah sebuah jabatan dalam PDRM yang mengendalikan kes-kes jenayah siber dan komersil. Penceramah pertama adalah ASP Rahmat Fitri Abdullah yang bertugas sebagai ASP Analisis di JSJK dengan pengalaman kerja selama 21 tahun. Beliau mempunyai pengetahuan yang luas mengenai analisis jenayah siber yang membolehkannya memberikan ceramah yang komprehensif dan mendalam mengenai topik keselamatan siber baru dan mempunyai pengalaman ceramah lebih kurang dua tahun. Seterusnya penceramah kedua adalah ASP Nor Sharina Mohd Amin, Pegawai Penyiasat Jenayah Filem, Muzik dan Paten di JSJK, mempunyai pengalaman kerja selama 13 tahun. Beliau memiliki kepakaran dalam penyiasatan jenayah yang berkaitan dengan hak harta intelek dan mampu memberi persektif unik dalam ceramah mengenai jenayah siber yang melibatkan pelanggaran hak cipta dan penipuan dalam industri kreatif dan mempunyai pengalaman dalam menyampaikan ceramah lebih kurang empat tahun.

Jadual 6: Latar belakang penceramah JSJK

Bil	Pangkat	Nama	Jawatan	Pengalaman Kerja	Pengalaman Ceramah	Status
1	ASP	Rahmat Fitri Abdullah	ASP Analisis, JSJK	21 Tahun	2 Tahun	Berkahwin
2	ASP	Nor Sharina Mohd Amin	Pegawai Penyiasat Jenayah Filem/Muzik /Paten, JSJK	13 Tahun	4 Tahun	Berkahwin

MAKLUMAT CERAMAH KESELAMATAN SIBER

Kajian ini menggunakan data yang dikumpul daripada rakaman ceramah keselamatan siber yang disampaikan oleh pegawai kanan polis dari JSJK. Sebanyak empat sesi ceramah terlibat dalam kajian ini dijadikan sebagai data kajian untuk dianalisis. Berikut adalah perincian data kajian ini:

Jadual 7: Perincian data kajian

Bil	Penceramah	Kod Video	Tajuk Ceramah / Program	Tarikh	Lokasi	Durasi Ceramah
1	ASP Rahmat Fitri Abdullah	CKS1	Scammer: Katakan Tidak, Elak Tergoda	25 Mac 2024	Dewan Kenanga, Kompleks Pejabat Kerajaan Daerah Petaling	0.58.45
2	ASP Rahmat Fitri Abdullah	CKS2	Minda Scammer: Apakah Helah Mereka?	28 Mac 2024	Bilik Mesyuarat Meranti, KKM, Prima Avenue II	0.57.56
3	ASP Nor Sharina Mohd Amin	CKS3	Jenayah Siber	02 April 2024	Bilik Mesyuarat Bandar Permaisuri	1.00.07
4	ASP Nor Sharina Mohd Amin	CKS4	Hari Pengajian Siber	05 April 2024	Dewan Serbaguna, Kem Sg. Buloh	0.54.58

Jadual 7 menunjukkan perincian data kajian. ASP Rahmat Fitri Abdullah menyampaikan dua ceramah: “Scammer: Katakan Tidak, Elak Tergoda” pada 25 Mac 2024 di Dewan Kenanga, Kompleks Pejabat Kerajaan Daerah Petaling dengan durasi ceramah 58 minit 45 saat dan “Minda Scammer: Apakah Helah Mereka?” pada 28 Mac 2024 di Bilik Mesyuarat Meranti, KKM, Prima Avenue II dengan durasi ceramah 57 minit 56 saat. ASP Nor Sharina Mohd Amin turut menyampaikan dua ceramah iaitu “Jenayah Siber” pada 2 April 2024 di Bilik Mesyuarat Bandar Permaisuri dengan durasi 1 jam 7 saat dan ceramah keselamatan siber semasa program “Hari Pergajian Siber” pada 5 April 2024 di Dewan Serbaguna, Kem Sg. Buloh dengan durasi ceramah 54 minit 58 saat.

JENIS RETORIK DALAM PENYAMPAIAN CERAMAH KESELAMATAN SIBER

Untuk mencapai objektif kajian, fokus utama adalah melihat pengaplikasian jenis retorik dalam penyampaian ceramah keselamatan siber oleh pegawai PDRM. Berdasarkan empat buah ceramah yang disampaikan oleh dua penceramah dari JSJK yang data kajian, dapatan kajian menunjukkan bahawa setiap penceramah menggunakan variasi retorik dalam penyampaian mereka dengan dapatan yang berbeza. Penentuan dilakukan dengan mengikuti huraian dan ciri-ciri yang telah ditetapkan bagi setiap kod analisis. Dapatan ini dimulakan dengan retorik pemerian, diikuti oleh retorik pemujukan. Seterusnya, retorik penerangan, retorik penceritaan dan retorik pendedahan. Akhir sekali, retorik penghujahan. Dapatan penentuan retorik turut dibahagikan mengikut penceramah, dimulakan dengan ASP Rahmat Fitri, diikuti oleh ASP Nor Sharina.

a) Dapatan Analisis Jenis Retorik Pemerian

Retorik pemerian ialah teknik penggunaan bahasa yang berbentuk penjelasan atau huraian tentang sesuatu idea. Retorik ini bertujuan menyampaikan fakta dan maklumat yang lengkap kepada pembaca atau pendengar. Menurut (Husna et al., 2018), retorik pemerian ialah retorik yang mempunyai hubungan dengan penutur yang berusaha untuk memberikan perincian mengenai sesuatu yang dibicarakan sehingga khalayak benar-benar dapat memahaminya. Berikut adalah dapatan kajian yang ditentukan dalam pengaplikasian retorik pemerian bagi setiap ceramah keselamatan siber bagi kajian yang dijalankan.

Jadual 8: Pengaplikasian retorik pemerian oleh ASP Rahmat Fitri

Kod Video	Retorik Pemerian
CKS1	Siapa pernah kena scam? Kita ada <i>phone scam</i> , pinjaman tak wujud, <i>love scam</i> , menyamar rakan, kita ada beli <i>online</i> , pelaburan, tipu tawaran pekerjaan, keldai akaun dan tekan <i>link</i> . Maknanya ada banyak jenis scam, terlalu banyak. Bukan satu sahaja dan setiap jenis-jenis scam ini, sindiket yang menjalankan aktiviti ini tidak sama daripada pelbagai kumpulan. Kumpulan pelaburan orang lain, kumpulan tipu tawaran pekerjaan orang lain, keldai akaun orang lain, beli <i>online</i> orang lain. Jadi, awak kena tahu bahawa <i>scammer</i> ini bukan satu, dia ada banyak. Bila kita tangkap satu dia akan <i>stop</i> , tidak. Dia ada lagi kumpulan-kumpulan lain. (Data 3, minit 3:45)
CKS2	Untuk scam, awak wajib tahu nombor 997. Kita panggil 997 ini <i>National Scam Response Center</i> (NSRC). Peranan NSRC adalah bila awak kena scam cepat-cepat awak <i>call</i> untuk maklumkan yang awak dah termasuk duit dalam akaun <i>scammer</i> . Apa yang NSRC buat, dia akan sekat akaun yang awak masukkan tadi, supaya duit itu tak pindah ke akaun yang lain. (Data 7, minit 8:38)

Jadual 8 menunjukkan dapatan pengaplikasian retorik pemerian oleh ASP Rahmat Fitri dalam ceramah keselamatan siber. Retorik pemerian bagi kod video CKS1 dikenal pasti melalui huraian tentang sesuatu idea iaitu penceramah menghuraikan tentang jenayah siber yang bercirikan pendahuluan. Ciri-ciri pemerian dapat dilihat apabila penceramah menyampaikan huraian secara jelas iaitu setiap jenis jenayah siber dilakukan oleh individu yang berlainan. Akhir dapatan tersebut, penceramah menutup dengan kesimpulan bahawa jenayah siber tidak akan berhenti walaupun tangkapan dibuat kerana terdapat kumpulan sindiket lain yang terus melakukan jenayah penipuan ini. Jelas menunjukkan bahawa terdapat ciri-ciri teknik pemerian yang lazimnya mengandungi tiga bahagian iaitu pendahuluan, huraian dan kesimpulan diterapkan oleh penceramah dalam penyampaian. Seterusnya retorik pemerian bagi kod video CKS2 dapat dikenal pasti apabila penceramah menyampaikan maklumat berhubung peranan NSRC di talian 997. Teknik yang digunakan oleh penceramah bersifat deskriptif iaitu maklumat disampaikan secara huraian juga bersifat informatif iaitu maklumat disampaikan bersifat pemberitahuan. Penceramah menjelaskan tindakan atau peranan yang dilakukan oleh NSCR apabila mangsa jenayah siber menghubungi agensi tersebut.

Jadual 9: Pengaplikasian retorik pemerian oleh ASP Nor Sharina

Kod Video	Retorik Pemerian
CKS3	<p>Ini profil yang diguna, kalau ikutkan boleh cari siapa sebenarnya pemilik gambar. Satu lagi yang boleh kita berjaga-jaga, scammer ini dia tutup dia punya komen. Untuk e-dagang pun sama, sudah tentu dia akan tutup komen. Kalau tak, mangsa akan komen berduyun-duyun. Apa yang dia buat adalah tutup ruang komen. <i>Love scam</i> selalunya mencuri gambar orang lain. Jadi apa yang saya cakap tadi, kalau nak lebih bijak dari scammer ini cuba semak dahulu siapa sebenarnya pemilik gambar profil ini.</p> <p>(Data 30, minit 38:22)</p>
CKS4	<p>Saya ingin tekankan, semua kempen Shopee tidak dibuat di luar daripada platform Shopee. Semuanya akan dibuat di dalam platform shopee sahaja. Macam saya katakan tadi, ada terima notifikasi seperti hadiah yang terima melalui WhatsApp itu adalah <i>scam</i>. Sebab Shopee hanya iklan dalam platform di sahaja, <i>Shopee's official channels</i>.</p> <p>(Data 22, minit 20:51)</p>

Jadual 9 menunjukkan dapatan pengaplikasian retorik pemerian oleh ASP Nor Sharina dalam ceramah keselamatan siber. Kod video CKS3, dapat ditentukan pengaplikasian retorik ini dengan penceramah menjelaskan cara penjenayah melakukan penipuan dalam media sosial agar dapat dikenal pasti oleh mangsa. Penghuraian secara realistik oleh penceramah dengan memberitahu bahawa penjenayah akan menutup ruang komen bagi mengelakkan komen daripada mangsa sebelum ini. Penceramah menghasilkan gambaran secara realistik dengan menggambarkan sesuatu fakta yang jelas serta secara cetusan imaginasi yang membolehkan pendengar faham apabila tindakan yang dilakukan oleh penjenayah dengan menutup ruang komen di media sosial.

Pengaplikasian retorik pemerian kod video CKS4, dapat diidentifikasi melalui contoh yang digunakan oleh penceramah untuk menghuraikan dan memberitahu Shopee tidak membuat sebarang kempen luar daripada platform dan sekiranya hal ini berlaku ia menunjukkan bahawa situasi tersebut merupakan suatu penipuan yang dilakukan oleh penjenayah untuk memerangkap mangsa. Pemerian dilakukan secara objektif, tepat dan jelas untuk memberitahu pendengar bahawa setiap tawaran luar daripada platform adalah penipuan.

b) *Dapatan Analisis Jenis Retorik Pemujukan*

Retorik pemujukan menggunakan bahasa pujukan untuk mempengaruhi pemikiran dan keyakinan orang lain agar mempercayai sesuatu perkara yang diperkatakan. Menurut (Haziq Aisha, 2023), retorik pemujukan sering digunakan dalam situasi memujuk, mengajak atau mempengaruhi orang lain agar berfikir dan bertindak sebagaimana yang dihasratkan oleh penyampai. Berikut adalah beberapa dapatan yang dikenal pasti dalam pengaplikasian retorik pemujukan bagi setiap ceramah keselamatan siber bagi kajian ini.

Jadual 10: Pengaplikasian retorik pemujukan oleh ASP Rahmat Fitri

Kod Video	Retorik Pemujukan
CKS1	Apa-apa mesej yang minta awak tekan link tak kisah apa alasan pun dia bagi, apa ugutan pun dia beri, jangan tekan. Link yang ada APK, jangan tekan. APK tak boleh tekan. Apa alasan pun jangan tekan. Apa jadi bila awak dah tekan? Apabila awak dah tekan apa yang berlaku, scammer akan duduk dalam telefon awak. Bila duduk dalam telefon awak, apa yang dia dapat? Semua yang awak mesej, yang awak simpan, gambar seksa awak, video seksa dia boleh dapat. (Data 30, minit 37:30)
CKS2	Lelaki kena ingat, tiba-tiba terima <i>video call</i> . Jangan angkat, awak akan tengok wanita tengah bogel dalam phone awak. Kalau awak tengok konon nak pastikan. Kemudian dapat gambar atau video awak tengah tengok wanita yang sedang berbogel tadi. Bayangkan kalau tersebar, isteri tahu. Jadi, ingat lelaki ini suatu perangkap. Lepas itu mulalah <i>scammer</i> ugut suruh bayar kalau tak dia sebar. (Data 27, minit 33:17)

Jadual 10 menunjukkan dapatan pengaplikasian retorik pemujukan oleh ASP Rahmat Fitri dalam ceramah keselamatan siber. Pengkaji mengenal pasti penggunaan retorik pemujukan yang terdapat dalam kod video CKS1 melalui penceramah yang menggunakan teknik pemujukan dengan mempengaruhi pendengar untuk mempercayai bahawa setiap pautan yang diterima mengandungi *Android Package Kit (APK)* merupakan perangkap daripada penjenayah dan terdapat kesan sekiranya menekan pautan yang dihantar. Pemujukan yang digunakan oleh penceramah secara rasional dengan menyampaikan fakta bahawa apabila menekan pautan tersebut penjenayah telah mengawal telefon mangsa dan semua aktiviti peribadi mangsa diketahui oleh penjenayah seperti mesej, gambar dan video. Seterusnya pengenpastian retorik pemujukan dalam kod video CKS2 adalah melalui ciri pemujukan tidak rasional yang digunakan oleh penceramah iaitu melibatkan emosi. Penceramah menggunakan teknik memanipulasikan emosi pendengar lelaki sekiranya menerima panggilan video daripada orang perempuan yang tidak dikenali. Teknik ini dilakukan dengan harapan pendengar menerima saranan daripada penceramah agar tidak menjawab panggilan video daripada individu yang tidak dikenali. Penceramah turut menyatakan kesan negatif yang akan berlaku sekiranya menjawab panggilan video tersebut dengan membayangkan penyebaran video rakaman mangsa dan kemudian diugut sekiranya tidak melakukan permintaan penjenayah.

Jadual 11: Pengaplikasian retorik pemujukan oleh ASP Nor Sharina

Kod Video	Retorik Pemujukan
CKS3	Untuk kes yang macam ini, biasanya kita akan nasihat jangan mudah klik mana-mana <i>link</i> . Terutama dari sumber-sumber yang <i>unknown</i> . Jadi, kalau kata nak <i>download apps</i> , kena pastikan download daripada dia punya apps, play store. Sebab adanya ancaman macam kes ini. Jadi, bila mangsa datang kepada kita. Mangsa tak sedar duit dia hilang. Inilah kemungkinan yang berlaku. Mangsa tidak sedar duit hilang. (Data 8, minit 10:14)
CKS4	Ini adalah contoh modus operandi, sekiranya ada <i>friend request</i> daripada orang yang tidak dikenali. Kita kena jadi bijak, jangan mudah layan orang minta duit. Bila dah terjebak susah. Aduan yang saya terima, kita nak tarik mangsa yang kena <i>love scam</i> ini susah. Malah, keluarga, suami pun susah nak nasihat sebab mereka terlalu percaya. Kalau katakan ada di antara keluarga kita berkelakuan agak lain itu, kena berhati-hati. (Data 44, minit 41:42)

Jadual 11 menunjukkan dapatan pengaplikasian retorik pemujukan oleh ASP Nor Sharina dalam ceramah keselamatan siber. Dalam kod video CKS3, dapat dikenal pasti penggunaan retorik pemujukan melalui bahasa pujukan penceramah untuk mempengaruhi pendengar dengan menasihati pendengar agar tidak mudah untuk menekan mana-mana pautan daripada sumber yang tidak diketahui. Pemujukan rasional turut menggunakan penyampaian fakta sekiranya ingin memuat turun sebarang aplikasi perlu melalui saluran yang sah. Penceramah meyakinkan pendengar dengan ancaman kes penipuan dan memaklumkan kepada pihak polis wang hilang tanpa disedari.

Pengesahan retorik ini diteruskan dengan kod video CKS4 iaitu melalui ciri-ciri pemujukan yang digunakan oleh penceramah apabila memujuk pendengar agar bijak menerima permintaan kenalan di media sosial dan kesan apabila berkawan dengan orang yang tidak dikenali. Tambahan fakta yang digunakan penceramah bahawa hal ini akan menyebabkan mangsa sukar menerima nasihat orang lain kerana terlalu percaya kepada penjenayah yang menyamar sebagai kenalan baharu tersebut. Teknik pemujukan rasional oleh penceramah kepada pendengar dengan penyampaian fakta adalah lengkap dan pendengar dianggap sebagai orang yang bijak untuk tidak mudah melayan.

c) Dapatan Analisis Jenis Retorik Penerangan

Retorik penerangan ialah bentuk retorik yang memberikan penjelasan tentang sesuatu perkara dengan lebih terperinci daripada satu langkah kepada satu langkah yang lain. Menurut Dewi (2022), retorik penerangan dihuraikan dengan memberikan ciri-ciri tentang sesuatu perkara yang mudah difahami pendengar. Berikut adalah beberapa dapatan yang ditemui dalam pengaplikasian retorik penerangan bagi setiap ceramah keselamatan siber.

Jadual 12: Pengaplikasian retorik penerangan oleh ASP Rahmat Fitri

Kod Video	Retorik Penerangan
CKS1	Sekarang saya ajar, keluarkan telefon. Scammer paling banyak ada di mana? Telegram. Masuk telegram awak pergi dekat tiga <i>button</i> atas ataupun <i>setting</i> . Dah tekan ye. Lepas itu pergi dekat <i>privacy and security</i> . Jumpa tak? Pergi tekan <i>two step verification</i> dan masukkan <i>password</i> . <i>Password</i> yang terbaik bukanlah nombor 111111, 999999. Dah masuk <i>password</i> dah. (Data 26, minit 32:30)
CKS2	Benda ini awak semua kena wajib tahu, awak kena amalkan benda ini sampai ke akhir hayat awak. Pertama, jadi manusia yang normal. Orang yang normal dia akan fikir secara logik dan

rasional. Yang kedua, awak kena ikut SOP dan peraturan. Yang ketiga, awak mesti semak dan tanya. Ini tak banyak orang buat. Orang malu nak tanya.

(Data 17, minit 20:57)

Berdasarkan Jadual 12 yang memberi beberapa penemuan pengaplikasian retorik penerangan oleh ASP Rahmat Fitri daripada data kajian. Kod video CKS1 memperlihatkan penggunaan retorik penerangan melalui kriteria yang ditonjolkan oleh penceramah yang menggunakan gaya bahasa, intonasi dan nada yang menarik bagi menyampaikan maklumat secara jelas mengikut langkah demi langkah dalam mengatur keselamatan penggunaan aplikasi Telegram. Terdapat beberapa langkah yang diberikan oleh penceramah untuk mengatur penggunaan telegram iaitu dengan pergi ke aturan telegram dan mengikuti setiap arahan daripada beliau. Penceramah turut memberi penekanan agar kata laluan yang digunakan bukan dari nombor yang sama.

Pengenalpastian retorik penerangan diteruskan dengan kod video CKS2 apabila penceramah menunjukkan ciri-ciri retorik dalam menerangkan perkara yang perlu diamalkan bagi mengelak diri daripada menjadi mangsa jenayah siber. Terdapat tiga langkah yang ditekankan iaitu i) berfikir secara rasional, ii) mengikut SOP dan iii) semak dan tanya. Pemilihan kata yang tepat serta makna yang jelas dan bernas digunakan oleh penceramah agar pendengar memahami maklumat yang disampaikan.

Jadual 13: Pengaplikasian retorik penerangan oleh ASP Nor Sharina

Kod Video	Retorik Penerangan
CKS3	Apa yang perlu dilakukan apabila sudah terkena. Boleh <i>uninstalls</i> dan paling penting tukar semua sebab dia dah masuk kita punya <i>online banking</i> semua. Tukar <i>username</i> dan <i>password</i> semua. Kita ada hotline 997, <i>National Scam Response Center</i> . Kalau katakan jadi mangsa jenayah siber tapi kita fokus kepada kejadian yang baru berlaku. Ada dua pilihan, call bank masing-masing, hotline 24 hours. Pilihan kedua adalah 997, yang ini 8 pagi 8 malam dan perlu juga laporan polis. <p style="text-align: right;">(Data 47, minit 60:07)</p>
CKS4	Ini saya kongsi sedikit, scam yang berlaku di Shopee. Kita tengok bagaimana satu-satu akaun boleh diambil alih. Kalau untuk <i>Shopee</i> , dia ada dua kaedah untuk diambil alih seseorang punya akaun. Kalau yang ini dia satu <i>phishing website</i> . Jadi, bila kita masuk ke punya semua maklumat kita jadi <i>scammer</i> boleh dapat semua maklumat. Kaedah yang kedua adalah dia akan hantar satu notifikasi anda telah menang hadiah. Adalah dia punya tarikan itu, untuk minta kita tekan <i>link</i> dan bila kita tekan <i>link</i> semua maklumat kita dapat diambil oleh <i>scammer</i> . Jadi berhati-hati ketika menerima sebarang <i>link</i> daripada orang yang tidak dikenali. <p style="text-align: right;">(Data 21, minit 19:54)</p>

Jadual 13 menunjukkan dapatan pengaplikasian retorik penerangan oleh ASP Nor Sharina dalam ceramah keselamatan siber. Dalam kod video CKS3 pula dapat disahkan penggunaan retorik ini melalui penggunaan bahasa yang menarik penceramah bagi memberikan penjelasan tentang sekiranya menjadi mangsa jenayah siber terdapat dua pilihan yang boleh diambil oleh mangsa iaitu menghubungi bank atau menghubungi 997 iaitu Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC). Penceramah turut menerangkan secara jelas bagi memahami maklumat dengan tindakan yang boleh dilakukan oleh mangsa dengan membuka aplikasi dengan menukar nama pengguna serta kata laluan.

Manakala bagi kod video CKS4 pula, pengaplikasian retorik penerangan dapat dicam melalui penggunaan ayat penceramah dalam menerangkan dua kaedah yang digunakan oleh penjenayah untuk mengambil alih akaun seseorang iaitu 1) *phishing website* dan 2) hantar satu notifikasi menang hadiah. Maklumat yang disampaikan oleh penceramah secara lisan seperti kaedah mengambil alih akaun mangsa. Penjenayah menggunakan kaedah tersebut untuk menarik perhatian mangsa dan membuat mereka berminat dengan tawaran yang diberikan.

d) *Dapatan Analisis Jenis Retorik Penceritaan*

Retorik penceritaan atau naratif ialah satu bentuk penyampaian melalui cerita sama ada dalam bentuk penulisan atau lisan. Menurut (Nor Azuwan et al., 2018) penggunaan retorik penceritaan untuk menarik perhatian audiens dengan cara lebih santai dan selesa. Retorik ini sering disampaikan melalui cerita yang berkait dengan sesuatu kenyataan (Budiman, 2023). Berikut adalah dapatan yang dikenal pasti dalam pengaplikasian retorik penceritaan:

Jadual 14: Pengaplikasian retorik penceritaan oleh ASP Rahmat Fitri

Kod Video	Retorik Penceritaan
CKS1	Ada tangkapan keldai akaun, sebelum itu dia tak mengaku jadi keldai akaun. Dia beritahu kad bank dia tercicir, orang yang guna. Jadi kita buat soal siasat. Kita tanya berapa banyak kad yang kau sewakan? Saya tak sewakan tuan, kad saya tercicir. Tuan-tuan dan puan-puan, kad bank kita tercicir ada nombor akaun tak kat situ? Saya kata kat dia dekat kad bank tak ada nombor akaun ye, dekat kad bank orang tak boleh nak masukkan duit. Jadi dia dah senyap. Iye tuan, saya ada sewakan. Barulah nak mengaku. Saya tanya lagi berapa banyak akaun bank yang kau sewakan? Satu je tuan, satu je. Awak tahu hasil siasatan saya berapa kad bank milik dia disewakan, lapan. Lapan, tuan-tuan dan puan-puan. (Data 41, minit 51:15)
CKS2	Saya nak beritahu tuan-tuan dan puan-puan, jangan tamak. Semalam baru seorang sahabat saya, tuan ada kawan saya ini masuk pelaburan tuan cuba tengok. Tapi kawan saya cakap ini bukan scam, benda itu betul sebab dia dapat duit. Ok, dia dapat itu apa? Yang dia dapat pulangan itu apa? Itu umpan. Dia akan gunakan awak. (Data 20, minit 24:39)

Jadual 14 merangkumi dapatan retorik penceritaan dalam ceramah keselamatan siber oleh ASP Rahmat Fitri. Dalam kod video CKS1 dapat dikenal pasti pengaplikasian penceramah bagi retorik ini apabila penceramah bertindak untuk menceritakan suatu peristiwa yang berlaku semasa penangkapan keldai akaun. Semasa awal tangkapan tersebut suspek tidak mengaku dan memaklumkan bahawa kad bank miliknya tercicir. Dalam dapatan ini wujud dialog antara penceramah dengan suspek. Perkongsian penceramah sehingga membuktikan bahawa suspek tersebut telah menyewa lapan kad bank miliknya kepada sindiket. Penceritaan yang digunakan oleh penceramah terdapat kebebasan tatabahasa kerana bersifat ekspresi.

Seterusnya dalam kod video CKS2 dapat dilihat apabila ciri retorik penceritaan yang digunakan oleh penceramah dengan menceritakan kisah rakan penceramah yang memaklumkan kepadanya bahawa terdapat satu pelaburan. Penceramah menggunakan dialog antara penceramah bersama rakannya dengan menunjukkan gaya bahasa yang digunakan bersifat imaginatif. Di pengakhiran penceramah menyatakan bahawa tindakan tersebut merupakan umpan untuk menjerat rakannya.

Jadual 15: Pengaplikasian retorik penceritaan oleh ASP Nor Sharina

Kod Video	Retorik Penceritaan
CKS3	<p>Salah satu kes, mangsa dapat call daripada <i>scammer</i> yang menyamar sebagai LHDN, <i>scammer</i> tanya ada tak aset lain? Mangsa dengan suci hati dan memberitahu dia ada rumah. Dan scammer beri arahan dalam masa satu bulan jual. Mangsa betul-betul nak jual hingga berjumpa dengan agen bersama kawan. Masa itu lah kawan dia beritahu dia kena scam. Kerugian 850 ribu, untuk kes macam ini mangsa-mangsa semua beritahu harta yang semua dia ada. Dengan harapan dia dapat balik. Sampai ke pajak gadai itu yang kita sangat takut.</p> <p>(Data 27, minit 34:32)</p>
CKS4	<p>Saya bawa contoh satu kes kalau ikut dia punya tajuk sangat menarik. <i>Kuching man loses 1 million in bank scam after answering phone call</i>. Panggilan ini berapa saat sahaja tapi duit dia hilang 1 juta. Jadi ini yang menakutkan. Tak pasti mungkin ada yang perasaan kes ini. Apa yang berlaku adalah mangsa ini dia terima panggilan daripada pos laju dan minta OTP. Masa itu masih pakai OTP lagi, sekarang bank dah tak pakai OTP. Scammer minta OTP, nasib baik mangsa ini dia pandai dan sedar dia tidak membuat sebarang transaksi maka dia tidak approve. Dia tak bagilah TAC tu. Tapi apa yang berlaku adalah walaupun dia tidak bagi duit masih hilang 1 juta. Ini yang sangat menakutkan. Jadi keluarlah artikel berkaitan kes ini.</p> <p>(Data 34, minit 32:13)</p>

Jadual 15 memaparkan penemuan retorik penceritaan dalam ceramah keselamatan siber oleh ASP Nor Sharina. Dalam kod video CKS3, dapat dilihat penerapan retorik penceritaan oleh penceramah apabila menceritakan suatu peristiwa atau kes yang berlaku terhadap seorang mangsa yang menerima panggilan daripada penjenayah yang menyamar sebagai pegawai LHDN. Mangsa dalam kes ini diceritakan oleh penceramah telah mengikut setiap arahan penjenayah sehingga berlakunya kerugian berjumlah lapan ratus lima puluh ribu ringgit.

Pengenalpastian retorik ini diteruskan dalam kod video CKS4, yang memaparkan ciri-ciri penggunaan retorik penceritaan. Penceritaan oleh penceramah mengenai suatu kes yang mana seorang lelaki di Kuching kehilangan 1 juta ringgit daripada akaun banknya setelah menerima panggilan tipu. Kisah ini dilaporkan dalam sebuah artikel. Penceramah menceritakan bagaimana situasi ini berlaku apabila mangsa menerima panggilan yang menyamar sebagai pos laju dan kemudian meminta OTP tetapi mangsa tidak memberikan. Walaupun mangsa tidak memberikan OTP, wangnya tetap hilang. Kejadian ini menjadi tajuk utama artikel tersebut yang bertujuan menarik perhatian pembaca.

e) *Dapatan Analisis Jenis Retorik Pendedahan*

Retorik pendedahan ialah bentuk yang mendedahkan, menampakkan, menyingkap dan memaparkan atau menunjukkan sesuatu perkara atau maklumat dengan jelas dan terperinci. Menurut (Dewi & Haziq Aisha, 2021) retorik pendedahan merupakan pemindahan suatu konsep atau idea daripada fikiran penutur kepada pihak pendengar. Berikut adalah dapatan yang dikenal pasti dalam pengaplikasian retorik pendedahan bagi setiap ceramah keselamatan siber.

Jadual 16: Pengaplikasian retorik pendedahan oleh ASP Rahmat Fitri

Kod Video	Retorik Pendedahan
CKS1	Berdasarkan daripada siasatan yang kita buat, soal siasat yang kita telah buat, hanya ada satu cara sahaja untuk mengelakkan awak daripada scam. Saya tahu awak akan tanya, tuan macam mana nak elak scam? Jawapan dia adalah knowledge. Ada <i>knowledge</i> akan menyelamatkan awak daripada terkena <i>scam</i> . Saya beri satu contoh mudah, Mr Thomas dia tidak kena <i>scam</i> , sebab apa? Dia tahu, dia tengok je dah tahu ini adalah <i>scammer</i> . Tak perlu awak belajar tinggi-tinggi untuk awak elak kena <i>scam</i> . Nak cerita pasal kena <i>scam</i> ini, professor pun kena, datuk, tan sri pun kena. Orang yang ada PhD pun kena. (Data 4, minit 05:00)
CKS2	Tak ada istilah pukau tuan-tuan dan puan-puan, katakan lah Tuan Musa adalah bomoh yang boleh pukau. Saya nak ajar awak berfikir, yang ini duit banyak 1 juta, yang ini tak ada duit, yang satu ini duit ada 8 ribu. Antara 3 orang ini, tok bomoh nak pukau yang mana satu. Sejuta lah kan? Tuan-tuan dan puan-puan, kalau lah dia boleh sekali pukau dengan panggilan baik dia pukau sejuta terus dan tak payah nak cakap banyak kali, dialog yang sama. Tapi dalam realiti, <i>scammer</i> ini yang 10 ringgit pun kena, 20 ringgit, 100 pun kena, 1000 ringgit pun kena. Jadi, maknanya semua pun kena. Tiada istilah kena pukau. (Data 38, minit 46:50)

Jadual 16 iaitu pengaplikasian retorik pendedahan dalam setiap kod video ceramah keselamatan siber oleh ASP Rahmat Fitri. Kod video CKS1 bagi menonjolkan ciri-ciri retorik pendedahan oleh penceramah adalah berdasarkan penyampaian penceramah yang menyingkap tentang cara untuk mengelakkan diri daripada penipuan siber. Penceramah menghuraikan perkara ini dengan keperluan pengetahuan bagi mengelak hal ini berlaku. Di samping itu, penceramah turut memberi contoh iaitu pendengar yang hadir tidak menjadi mangsa scam kerana mempunyai pengetahuan dalam jenayah siber.

Pengenalpastian retorik pendedahan diteruskan dalam kod video CKS2 apabila penyampaian penceramah yang mendedahkan dengan jelas tentang istilah pukau dalam jenayah siber. Penceramah membuat perbandingan antara tiga individu yang mempunyai nilai kewangan yang berbeza. Sekiranya taktik pukau digunakan dalam jenayah siber adalah menjadi pilihan penjenayah memilih individu yang mempunyai nilai kewangan yang tinggi tetapi hal ini tidak berlaku dalam jenayah siber kerana semua individu boleh menjadi mangsa.

Jadual 17: Pengaplikasian retorik pendedahan oleh ASP Nor Sharina

Kod Video	Retorik Pendedahan
CKS3	Selain itu, perkara yang ingin saya tekankan adalah dari segi jantung, perempuan melebihi, kita kena tanya diri kita kenapa lebih mudah terpedaya kepada <i>scam</i> . Kumpulan yang paling banyak menjadi mangsa scam adalah 21-30. Untuk kes pelaburan paling banyak adalah kumpulan 31-40. Mungkin kita boleh fikir kenapa group itu paling banyak menjadi mangsa bagi kes pelaburan. (Data 14, minit 17:54)
CKS4	Seperti yang sedia maklum, kes jenayah siber melibatkan keldai akaun, kalau kes narkotik kita panggil sebagai keldai dadah. Jadi kes jenayah siber kita panggil sebagai keldai akaun sebab dia meminjamkan akaun dia. Tetapi ada sesetengah situasi, ada yang memang mendapat komisen. Satu kad yang bagi memang dapat komisen. Kemudian, kadang-kadang ada yang nak buat pinjaman tapi sindiket gunakan jual akaun dia. Jadi, bila akaun dia terlibat dalam siasatan pihak polis. Ada juga anak sendiri guna dan menjual akaun mak ayah dia. Ada yang tidak tahu akaun dia telah digunakan. (Data 57, minit 54:01)

Jadual 17 iaitu pengaplikasian retorik pendedahan dalam setiap kod video ceramah keselamatan siber oleh ASP Nor Sharina. Kod video CKS3, retorik pendedahan ditemui dengan ciri yang digunakan oleh penceramah untuk pendedahan mengenai fakta yang berkaitan wanita lebih mudah terpedaya kepada jenayah siber. Berdasarkan statistik yang didedahkan oleh penceramah kepada pendengar. Penceramah turut membandingkan kumpulan yang berumur 21 hingga 30 paling ramai menjadi mangsa tipu panggilan, manakala bagi kes pelaburan kumpulan berumur 31 hingga 40 paling ramai menjadi mangsa.

Retorik pendedahan yang diterapkan menerusi kod video CKS4 menonjol apabila penceramah mendedahkan tentang keldai akaun. Penceramah menjelaskan bahawa keldai akaun merujuk kepada individu yang meminjamkan akaun bank mereka untuk aktiviti jenayah siber dan setiap tindakan tersebut akan diberi imbuhan sebagai balasan. Pendedahan ceramah turut menekankan perbezaan di antara keldai akaun tidak mengetahui penggunaan akaun mereka untuk aktiviti jenayah siber seperti akaun milik ibu bapa yang digunakan oleh anak mereka.

f) *Dapatan Analisis Jenis Retorik Penghujahan*

Retorik penghujahan turut dikenali sebagai pemujukan rasional atau intelek. Menurut Mohd Syafiq & Yabit (2023) retorik penghujahan adalah salah satu cara memujuk pendengar mempercayai suatu kenyataan tertentu dan disokong dengan alasan dan bukti tertentu yang berkaitan dengannya. Berikut adalah dapatan yang dikenal pasti dalam pengaplikasian retorik penghujahan oleh ASP Rahmat Fitri dan ASP Nor Sharina.

Jadual 18: Pengaplikasian retorik penghujahan oleh ASP Rahmat Fitri

Kod Video	Retorik Penghujahan
CKS1	<p>Saya tunjuk dekat awak satu contoh kes <i>phone scam</i>. Contoh macam wanita yang dia kena 5 juta. Dia diarahkan oleh <i>scammer</i> itu untuk tidak bercakap dengan sesiapa selama 6 bulan. Normal tak? Dalam kes ini <i>scammer</i> telah hubungi dia hari-hari selama 6 bulan. Logik tak logik? KKM <i>call</i> dia lepas itu sambung kepada polis. Polis <i>call</i> dia selama 6 bulan. Logik tak logik? Apa polis ini tak ada kerja? Kenapa dia <i>call</i> hari-hari selama 6 bulan? Tuan-tuan dan puan-puan, 5 juta boleh tak pindah dalam masa 1 hari? Ada had bukan. Sebab itu <i>scammer</i> kena <i>call</i> dia hari-hari untuk kawal dia supaya dia tak bercakap dengan sesiapa, dia tak tanya siapa-siapa, dia tak check akaun dia, supaya mangsa ini dalam kawalan selama 6 bulan dan hari-hari <i>scammer</i> akan suruh dia pindahkan duit 10 ribu, 15 ribu selama 6 bulan. Saya tanya dengan wanita itu, tak kan selama 6 bulan tak bercakap dengan anak? Dia jawab, saya hanya bercakap dengan anak saya setahun 3 kali sahaja. Normal tak? Tuan-tuan dan puan-puan, komunikasi itu penting dalam semua agama. Selalulah bercerita.</p> <p style="text-align: right;">(Data 15, minit 18:45)</p>
CKS2	<p>Misi utama <i>scammer</i> ini bila dia hantar mesej dia nak awak tekan je <i>link</i>. Apapun alasan dia beri dia nak awak tekan <i>link</i>, itu syarat. Dia akan beri apa-apa habuan, bantuan, hadiah. Macam ini bantuan 2500. Saya nak tanya awak, awak memang layak ke dapat bantuan 2500 ni? Jumpa je macam-macam mesej, pertama sekali awak tengok, kalau dia mesej dari <i>government</i> belakang dia mesti ada apa? GOV. Awak pandai, yang di kampung itu? Di belakang <i>link</i> itu tiba-tiba saja ada <i>link</i> yang berterabur. Scammer sasarkan yang di kampung itu. Tengok <i>link</i> saja, <i>link</i> dia memang berterabur, jadi ini memang dari <i>scammer</i>.</p> <p style="text-align: right;">(Data 24, minit 29:35)</p>

Jadual 18 menunjukkan dapatan pengaplikasian retorik penghujahan dalam setiap ceramah keselamatan siber oleh ASP Rahmat Fitri. Dimulakan dengan kod video CKS1, pengenalan retorik ini dapat dilihat apabila penceramah mengaplikasikan pemujukan rasional mengenai kes wanita yang ditipu sebanyak lima juta ringgit. Pendapat yang dikemukakan oleh penceramah disokong dengan bukti kes penjenayah menghubungi mangsa selama tempoh enam bulan untuk mengawal aktiviti mangsa daripada menceritakan kejadian kepada sesiapa. Mangsa dalam kes ini mengalami kerugian sebanyak lima juta dan pemindahan wang tidak boleh dilakukan dalam tempoh sehari. Oleh itu, penjenayah terus berhubung dengan mangsa dalam tempoh enam bulan untuk memastikan proses pemindahan wang setiap hari dilakukan secara berkala.

Seterusnya melalui kod video CKS2 pula retorik penghujahan dapat dikesan melalui pendapat yang dikemukakan oleh penceramah tentang keinginan penjenayah apabila menghantar mesej penipuan. Penceramah meyakinkan pendengar apabila menerima mesej daripada penjenayah, misi adalah untuk mangsa menekan pautan yang dihantar. Penceramah menunjukkan contoh sekiranya pautan daripada kerajaan pasti mempunyai GOV tetapi bukan semua individu mempunyai pengetahuan sebegitu tambahan sekiranya mangsa yang berada di kampung.

Jadual 19: Pengaplikasian retorik penghujahan oleh ASP Nor Sharina

Kod Video	Retorik Penghujahan
CKS3	<p>Ini juga menarik, kes paling banyak dalam group 21-30 tetapi jumlah kerugian apa yang kita nak tekankan. Kumpulan yang berumur 61 ke atas, kena lebih berhati-hati. Relevannya, kenapa group yang ini, mungkin kita tak boleh <i>engage</i> dengan mereka. Mungkin input tak sampai kepada mereka. Yang terbaik apa yang kita boleh buat sebagai ahli keluarga kita sharing benda ini. Umur-umur pesara ini mereka ada simpanan yang banyak. Kalau scammer dapat kumpulan ini, dia ibarat jackpot kepada scammer. Banyak kerugian yang besar daripada kumpulan yang ini. Hal ini sangat merisaukan.</p> <p>(Data 15, minit 19:11)</p>
CKS4	<p>Untuk statistik kita platform yang paling banyak adalah facebook, instagram dan juga whatsapp dan telegram tahun ini meningkat. Sebab apa telegram ini banyak sebab mereka boleh hide nombor mereka, hanya menggunakan ID <i>user</i> sahaja. Kita nak kesan dia, tak tahu nombor dia. Fakta lain yang penting adalah kalau kita tengok jumlah kerugian yang paling besar, bukan dari e-dagang tetapi dari <i>phone scam</i>. <i>Phone scam</i> ini yang menyamar. Menyamar sebagai pegawai polis, bank negara, J&T. Saya rasa mungkin semua orang pun pernah dapat call daripada yang ini. Harap semua orang sedar dengan modus operandi ini. Jadi bila dapat call yang macam ini, dia mudah panik.</p> <p>(Data 13, minit 12:19)</p>

Jadual 19 menunjukkan dapatan pengaplikasian retorik penghujahan dalam setiap ceramah keselamatan siber oleh ASP Nor Sharina. Kod video CKS3, penerapan retorik penghujahan oleh penceramah berdasarkan hujahan berhubung dengan kes yang paling banyak daripada kumpulan berumur 21 hingga 30 tetapi bagi kerugian adalah daripada kumpulan yang berumur 61 tahun ke atas. Hujahan penceramah adalah kumpulan berumur 61 tahun ke atas kurang pendedahan mengenai jenayah siber dan pada umur tersebut kumpulan ini boleh dikatakan mempunyai simpanan yang banyak kerana sudah bersara dan penceramah meyakinkan pendapat yang dikemukakan dan khalayak bersetuju.

Retorik penghujahan dikenal pasti dalam kod video CKS4 apabila penceramah berhujah mengenai statistik kes meningkat melalui penggunaan media sosial. Antara media sosial yang meningkat adalah telegram disebabkan pengguna hanya menggunakan nama

pengguna tanpa nombor telefon. Pendapat yang dikemukakan oleh penceramah disokong oleh bukti yang jelas iaitu statistik kes. Penceramah turut memberi hujahan mengenai kerugian paling tinggi adalah daripada jenayah tipu panggilan. Penyamaran sebagai pegawai polis, pegawai bank negara dan sebagainya dan hujahan ini menyakinkan pendengar untuk bersetuju daripada statistik kes yang dipaparkan.

Secara keseluruhannya, dapatan jenis retorik dalam penyampaian ceramah keselamatan siber ini jelas menunjukkan bahawa setiap penceramah menggunakan variasi retorik dalam penyampaian yang bertujuan untuk mempengaruhi, memujuk dan meyakinkan pendengar tentang keselamatan siber. Pengaplikasian retorik yang pelbagai ini mencerminkan bahawa setiap penceramah bijak menyebarkan maklumat berkaitan keselamatan siber yang diperolehi dari pengetahuan dan pengalaman mereka kepada masyarakat untuk dijadikan panduan serta amalan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa penceramah JSJK bijak mengaplikasikan retorik dalam setiap penyampaian ceramah keselamatan siber untuk diperdengarkan kepada masyarakat. Pengaplikasian retorik yang pelbagai oleh penceramah mampu menghasilkan kesan yang baik dalam usaha mempengaruhi khalayak. Penggunaan pelbagai retorik dalam ceramah keselamatan siber semestinya membantu penceramah menyampaikan maklumat secara berkesan kepada pendengar. Tambahan, pengaplikasian retorik mengikuti kesesuaian situasi dan objektif turut membentuk ceramah yang berkualiti untuk mempengaruhi pemikiran dan tindakan audiens lantas meningkatkan kesedaran terhadap keselamatan siber secara mampan. Dari sudut teoretikal, kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai penggunaan teori retorik moden dalam konteks penyampaian ceramah keselamatan siber, khususnya dalam sektor kepolisian. Ini mengukuhkan lagi pandangan bahawa retorik adalah alat yang penting dalam komunikasi berkesan, terutamanya dalam situasi yang memerlukan perubahan sikap dan tingkah laku seperti kesedaran jenayah siber.

BIODATA

Muhammad Adnan Pitchan merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Media dan Komunikasi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Bidang kajian beliau adalah media baharu, undang-undang siber, dan dasar keselamatan siber. Email: adnan86@ukm.edu.my

Nor Hajar Ummiah Osman adalah Pegawai Kanan Polis Diraja Malaysia, berpangkat Inspektor. Kini beliau berkhidmat di Bukit Aman, Kuala Lumpur. Beliau pernah mengendalikan kes-kes berkaitan jenayah seksual kanak-kanak dan juga kes berkaitan komersial. Email: ummiah@rmp.gov.my

RUJUKAN

- Budiman Mohd Zohdi. (2023). *Kuasa retorik dalam pengucapan*. Selangor: Firdaus Press Sdn. Bhd.
- Dewi. (2022). Pengaplikasian teori retorik moden dalam penyampaian ceramah Ustaz Kazim Elias. *Jurnal Bahasa*, 22(1), 49-76.
- Dewi, & Haziq Aisha. (2021). Penggunaan bahasa retorik dalam pewahanaan informasi COVID-19 di negara Brunei Darussalam. *Southeast Asia: A Multidisciplinary Journal*, 21(2), 95-117.
- Enos, T., & Brown, S. C. (Eds.). (1993). *Defining the new rhetoric*. Sage Publication.
- Ernawati Abdul Wahab, Muhammad Adnan Pitchan, & Ali Salman. (2023). Pengetahuan, sikap dan amalan masyarakat di Kuala Lumpur terhadap kempen pencegahan Jenayah Penipuan dalam talian. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 39(1), 240-258.
- Haziq Aisha. (2023). Bahasa retorik sebagai strategi penyampaian khutbah Jumaat di negara Brunei Darussalam. *Jurnal Bahasa*, 23(1), 65-90.
- Husna Hidayah Mansor, Nor Azuwan Yaakob & Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2018. Retorik Pemerian dalam Ceramah Agama. *International Journal of the Malay and Civilisation* 6(2), 29-38.
- Majlis Keselamatan Negara. (2024, Februari 1). Jenayah siber: Adakah peranti anda menjadi sasaran? <https://www.mkn.gov.my/web/ms/2024/02/01/jenayah-siber-adakah-peranti-anda-menjadi-sasaran/>
- Mohd Syafiq, & Yabit. (2023). Penggunaan retorik dalam pengucapan ahli parlimen Malaysia Syed Saddiq semasa Pilihan Raya Umum (PRU) Malaysia ke-15. *International Journal of Linguistics and Indigenous Culture*, 1(1), 48-68.
- Muhammad Adnan Pitchan, & Siti Zobidah Omar. (2019). Dasar keselamatan siber Malaysia: Tinjauan terhadap kesedaran netizen dan undang-undang. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(1), 103-119.
- Nor Azuwan Yaakob, Zaitul Azma Zainin Hamzah, Normaizura Md Zain, & Syed Nurlakla Syed Abdullah. (2018). Penerapan retorik dalam penyampaian ceramah agama. *Jurnal Linguistik*, 22(2).
- Royal Malaysia Police. (2022, September 13). Live: Majlis pelantikan duta anti-scam JSJK. <https://www.rmp.gov.my/news-detail/2022/09/12/live-majlis-pelantikan-duta-anti-scam-jsjk>
- Wan Nurul Wahidah Wan Lanang, & Muhamad Sayuti Hassan. (2021). Program pencegahan jenayah di negeri Perak melalui Peranan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan masyarakat. *Jurnal Perspektif*, 13(1), 85-101.